

Disediakan untuk: \_\_\_\_\_ Tarikh cetakan pada: \_\_\_\_\_

**LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK**

(Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil Insurans Kargo Marin. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am yang berkenaan)

**Penyedia Perkhidmatan Kewangan** : **Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad (“Allianz”/“Kami”)**  
**Nama Produk** : **Insurans Kargo Marin**

**1. Apakah produk ini?**

Polisi ini menyediakan perlindungan terhadap kerugian atau kerosakan barang yang dihantar melalui semua jenis pengangkutan (melalui air, udara, darat dan kereta api), dari titik asal gudang ke titik destinasi gudang, termasuk tempat simpanan sampingan.

**2. Apakah jenis perlindungan/manfaat yang disediakan?**

Terdapat 3 jenis perlindungan berdasarkan ungkapan London Institute:

(a) Institute Cargo Clauses (A) 1.1.82 menyediakan perlindungan Semua Risiko

(b) Institute Cargo Clauses (B) 1.1.82 menyediakan perlindungan terhad untuk:  
• kebakaran atau letupan  
• kapal yang terdampar, terkandas, tenggelam atau terbalik  
• pengangkutan darat yang terbalik atau tergelincir  
• perlanggaran atau pertembungan kapal dengan objek luaran  
• pelepasan kargo di pelabuhan kecemasan  
• gempa bumi, letusan gunung berapi atau kilat  
• pengorbanan purata am  
• pembuangan muatan atau kegelinciran muatan daripada kapal  
• kemasukan air laut, tasik atau sungai ke dalam kapal, pesawat, kontena, kotak pengangkut atau tempat simpanan  
• kerugian menyeluruh ke atas mana-mana pakej yang hilang di laut atau terjatuh semasa pemunggahan ke kapal, atau pemunggahan dari kapal

(c) Institute Cargo Clauses (C) 1.1.82 menyediakan perlindungan yang lebih terhad untuk:  
• kebakaran atau letupan  
• kapal yang terdampar, terkandas, tenggelam atau terbalik  
• pengangkutan darat yang terbalik atau tergelincir  
• perlanggaran atau pertembungan kapal dengan apa-apa objek luar  
• pelepasan kargo di pelabuhan kecemasan  
• pengorbanan purata am  
• pembuangan muatan

(d) Perlindungan tambahan. Risiko Perang, Mogok, Rusuhan dan Kekecohan Awam boleh dilanjutkan tertakluk kepada bayaran premium tambahan, tertakluk kepada Institute War Clauses (Cargo) 1.1.82 dan Institute Strikes Clauses (Cargo) 1.1.82

(e) Tempoh : Insurans berkuatkuasa di bawah Institute Cargo Clauses 1.1.82 bermula dari masa barang dibawa keluar dari gudang di pelabuhan pemunggahan sehingga tiba di gudang destinasi yang dinyatakan dalam polisi atau enam puluh (60 hari) selepas barang dipunggah sepenuhnya dari kapal di pelabuhan terakhir, mana-mana yang berlaku terlebih dahulu.

(f) Polisi atau sijil Kargo Marin dikeluarkan untuk setiap penghantaran.

**3. Berapakah jumlah premium yang perlu saya bayar?**

Jumlah premium yang perlu anda bayar mungkin berbeza bergantung kepada jenis barang & pembungkusan, nilai penghantaran, pelayaran & pengangkutan dan perlindungan yang diperlukan.

- Risiko marin ICC (A) \_\_\_\_\_ % atau (B) \_\_\_\_\_ % atau (C) \_\_\_\_\_ %
- Berserta perlindungan tambahan : Perang dan mogok \_\_\_\_\_ % & perlindungan lanjutan lain \_\_\_\_\_ %
- Jumlah kadar premium \_\_\_\_\_ % pada jumlah diinsuranskan bernilai RM\_\_\_\_\_

Anggaran jumlah premium yang perlu anda bayar adalah: RM\_\_\_\_\_

**4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?**

Jenis	%/ Amaun
Komisen dibayar kepada perantara insurans (jika ada)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 15% daripada premium kasar</li> </ul>
Duti setem	<ul style="list-style-type: none"> <li>• RM10.00</li> </ul>
Cukai Perkhidmatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 8% daripada premium</li> </ul>

**Amaun Cukai Perkhidmatan ("CP") di sini mungkin tertakluk kepada perubahan kerana kadar CP yang digunakan hendaklah berdasarkan kadar semasa mengikut undang-undang Malaysia.**

**5. Apakah terma dan syarat penting yang perlu saya ambil kira?**

- Kepentingan pendedahan
  - **Kontrak Insurans Pengguna**

Menurut Perenggan 5 Jadual 9, Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon untuk Insurans ini secara keseluruhan bagi tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesi anda, anda mempunyai tanggungjawab untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak membuat salah nyata dalam menjawab soalan dalam Borang Cadangan dan/atau semua soalan yang diperlukan oleh Syarikat dengan lengkap dan tepat dan mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu boleh mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak, penafian atau pengurangan tuntutan, perubahan terma atau terma dipelbagaikan, atau penamatan kontrak.

- **Kontrak Insurans Bukan Pengguna**

Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9, Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon untuk Insurans ini bagi tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesi anda, anda mempunyai tanggungjawab untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu yang boleh mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang boleh dikenakan dan apa-apa perkara di mana seseorang individu munasabah yang mengalami keadaan itu mungkin dijangka tahu sebagai berkaitan, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak, penafian atau pengurangan tuntutan, perubahan terma atau terma dipelbagaikan, atau penamatan kontrak.

Tanggungjawab pendedahan untuk Kontrak Insurans Pengguna dan Bukan Pengguna ini hendaklah diteruskan sehingga waktu kontrak dibuat, diubah atau diperbaharui. **Anda juga bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada kami dengan segera jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda dibuat, diubah atau diperbaharui dengan kami, apa-apa maklumat yang diberikan didapati tidak tepat atau telah berubah.**

- Jumlah Diinsuranskan adalah Nilai Invois berserta kenaikan yang dibenarkan sebanyak 10%. Asas penilaian adalah kos asas barang berserta perbelanjaan dan kos sampingan penghantaran, kos pengangkutan di mana anda bertanggungjawab ke atasnya, caj insurans dan kenaikan 10%. Pada asasnya, import adalah FOB/CNF berserta 10%; untuk eksport, CIF berserta 10%; untuk transit dalam negeri tempatan, nilai Invois sahaja.
- Lebihan adalah amaun yang akan ditanggung oleh Pihak Diinsuranskan sekiranya berlaku tuntutan.
- Premium dibayar terlebih dahulu.

**6. Apakah pengecualian penting di bawah polisi ini?**

Pengecualian di bawah Klausus Kargo Institut – polisi ini tidak melindungi kerugian, kerosakan atau perbelanjaan yang disebabkan oleh/berpunca daripada:

- Salah laku yang disengajakan oleh Pihak Diinsuranskan
- Kebocoran biasa, kehilangan berat, isipadu, haus dan lusuh
- Kekurangan atau ketidaksesuaian pembungkusan
- Sifat semulajadi kargo
- Kelewatan
- Ketakmampuan bayar atau keingkaran kewangan pemilik, pengurus, penyewa atau pengendali kapal
- Ketaklayakan berlayar (kapal)
- Perang dan mogok
- Kegiatan melanun (tetapi dilindungi di bawah Klausus A)
- Keganasan

**7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?**

Pembatalan tidak dibenarkan atas mana-mana risiko yang sudah berkuatkuasa.

**8. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada butiran penghantaran saya?**

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami dengan segera tentang apa-apa perubahan pada butiran penghantaran anda untuk memastikan perubahan tersebut dilindungi mengikut Premium dan pada Syarat yang akan diatur.

**9. Di manakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut?**

Jika anda memerlukan maklumat tambahan, sila hubungi kami atau mana-mana cawangan kami atau perantara insurans anda atau layari [www.allianz.com.my](http://www.allianz.com.my).

**Pusat Khidmat Pelanggan Allianz**

Allianz Arena

Ground Floor, Block 2A, Plaza Sentral  
Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur.  
Pusat Panggilan Allianz : 1 300 22 5542  
Emel: [customer.service@allianz.com.my](mailto:customer.service@allianz.com.my)

  AllianzMalaysia

 [allianz.com.my](http://allianz.com.my)

**NOTA PENTING:**

**ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN PERANTARA INSURANS ANDA ATAU TERUS HUBUNGI SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 01/06/2024.